
Dala'il Al-Khairat dan Nasihat Al-Muslimin: Dua Kitab yang Cukup Berpengaruh Dalam Sejarah Dunia Melayu Abad XVIII dan XIX

Oleh

Teuku Hj. Ibrahim Alfian

Pada hari Ahad 17 Oktober 1993 saya memasuki sebuah kedai buku di Kabul, ibukota The Islamic State of Afghanistan. Mata saya tertuju kepada sebuah kitab kecil dan alangkah tersentuh perasaan saya mengetahui kitab itu berjudul **Dala'il al-Khairat** yang tidak sama apabila ukurannya dengan kitab Dala'il al-Khairat yang pernah saya temui. Barulah kemudian saya difahamkan bahawa kitab kecil berharga 600 afghanis itu yang berukuran 6x9 cm itu dan tebalnya 1.25cm dengan jumlah halaman 288, sentiasa dibawa bersama askar Mujahidin Afghanistan di dalam sakunya dan dimanfaatkan dalam peperangan melawan tentera komunis Rusia.

Terlintaslah dalam ingatan saya tentang Kitab **Tuhfat al-Nafis** yang mengisahkan bahawa Yang Dipertuan Muda Raja Haji Kerajaan Riau dalam masa memimpin pertempuran melawan Belanda di Teluk Ketapang dekat Melaka memperolehi kebaikan atau istighlal dengan membaca kitab **Dala'il al-Khairat**.¹ Pada pertengahan bulan Februari 1784 Raja Haji dengan kekuatan lebih kurang 1000 orang mendarat di Teluk Ketapang, kira-kira lima kilometer dari bandar Melaka. Disini mereka membuat kubu pertahanannya untuk menggempur kota Melaka yang waktu itu dikuasai oleh pihak Belanda. Ketika pihak Belanda hampir terdesak kerana serangan yang dilancarkan oleh Yang Dipertua Muda Raja Haji, maka datanglah

bantuan dari Batavia yang dilancarkan oleh pada 1 Jun 1784 dibawah pimpinan Kapten Laut J.P. Van Braam dengan kekuatan seramai 2130 orang dan 326 pucuk meriam. Pada 16 Jun 1784 kapal perang Princess Louise dengan Frederick Rudolf Karel sebagai nakhodanya mula beroperasi menghadapi pasukan Raja Haji. Dua hari kemudian 734 orang tentera Kompeni Belanda di bawah komando Van Braam mendarat di Teluk Ketapang. Terjadilah pertempuran hebat yang memakan masa selama enam hari. Pertahanan Raja Haji dapat ditembusi oleh pihak Belanda dan Teluk Ketapang dikuasai pada 24 Jun 1784. Raja Haji bersama para panglimanya serta sejumlah pasukannya gugur dalam pertempuran ini.²

Mengenai gugurnya Raja Haji **Tuhfat al-Nafis**³ menceritakan sebagai berikut.

.....Yang Dipertua Muda Raja Haji pun bangkit menghunus badiknya dan sebelah tangannya memegang Dala'il al Khairat. Maka dipeluk oleh beberapa orang maka di dalam tengah berpeluk-peluk itu maka Yang Dipertua Muda Raja Haji pun kenalah peluru baris senapang. Maka ia pun rebahlah mangkat syahidlah ia.....

Adalah Menarik untuk dikaji apakah sebenarnya isi Kitab **Dala'il al-Khairat** yang dibaca Yang Dipertua Muda Kerajaan Riau sepanjang beliau memimpin pertempuran dan dipegangnya ketika ia gugur berhadapan dengan pasukan Belanda? Belum pernah isi kitab dan peranan kitab ini disinggung dalam mana-mana tulisan pada masa lalu., sedangkan pengenalan terhadap kitab ini sangat penting untuk mengetahui kehidupan keagamaan penduduk rumpun Melayu di rantau Asia Tenggara ini. Judul lengkap kitab ini adalah **Dala'il al-Khairati wa Syawariqu al-Anwari fi Dhikrihshalati 'alannabiyyi al-Mukhtari** dikarang oleh Abdullah Muhammad bin Sulaiman al-Jazuli. Sampai sekarang kitab ini masih terdapat dipasaran. Kitab ini pernah dicetak di Surabaya Indonesia, oleh penerbit Sa'ad Ibn Na'sir Nabhan, tanpa tahun dan oleh al-Maktabah al-Saqafiyah Surabaya pada bulan Rajab 1330 H bertepatan dengan bulan Jun 1911. Ada juga terbitan-terbitan yang lain yang menyebutkan nama penerbit, tempat terbit dan tahun terbitnya.

Muhammad al-Jazuli pengarang kitab *Dala'il al-Khairat* berasal dari kota Jazulah, Maghribi, dan kembali ke rahmatullah di Abu Ghal sekitar tahun 1465 M. Ia belajar di Madrasah al-Shaffarin di Fez, belajar tasawwuf dan menjalani Tariqat Syadhiliyah,⁴ suatu aliran Tasawwuf yang diajarkan oleh Nuruddin Abul Hasan al-Syadhili (1196-1258) yang berasal dari Syadhilah, Tunisia. Ajaran pokok Syadhiliyyah adalah takut kepada Allah, berpegang kepada Sunnah, menganggap hina hal-hal yang berkaitan dengan dunia, berserah diri kepada kehendak Allah serta meminta perlindungan-Nya.⁵

Adapun isi kitab *Dala'il al-Khairat* yang tebalnya 232 halaman adalah selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w serta keutamaan-keutamaan yang akan diperoleh bagi mereka yang mengamalkannya. Di dalamnya terdapat juga Asma'ul Husna (hlm 5-9) dan Asma'unnabi sebanyak 200 buah (hlm. 37-47). Di samping itu pada catatan pinggir terdapat pelbagai doa, antara lain doa besar *Hizbu al Bahri* karangan Imam Abu 'I-Hassan al-Syadhili (hlm. 217-224). Doa *Hizbu al Bahri* ini adalah tulisan pengabdian yang paling terkenal dan dipergunakan ibn Batutah perjalanan-perjalanan panjangnya ke benua China dengan singgah di Kerajaan Islam Samudra Pasai pada 1345.⁶

Tujuan kitab ini ialah mengajak umat untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mengharap redha-Nya dengan cara mewiridkan selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w. Al-Juzuli mengutip firman Allah dalam surat al-Ahzab ayat 56 yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلَامًا

"Sesungguhnya Allah dan Malaikat-malaikatNya berselawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya".

Al-Jazuli menyebutkan keutamaan-keutamaan selawat dengan mengemukakan hadith-hadith dan kata-kata para sahabat Nabi (hlm. 19-36), tetapi dengan sengaja tidak menuliskan sanad-sanadnya untuk memudahkan hafalan para pembacanya. Keutamaan-keutamaan berselawat untuk Nabi adalah sebagai berikut ini.

1. Diriwayatkan pada suatu hari Nabi Muhammad s.a.w. datang dengan wajah berseri-seri dan bersabda:

"Sesungguhnya Jibrail telah datang kepadaku dan dia berkata: Tidakkah kau senang wahai Muhammad; bila seorang umatmu membaca selawat atasmu dan aku meminta ampun atasnya sepuluh kali, dan bila seorang umatmu membaca salam ke atasmu dan aku membaca salam baginya sepuluh kali".

2. Nabi bersabda:

"Sesungguhnya orang yang paling baik menurutku adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku."

3. Nabi bersabda:

"Barang siapa yang berselawat kepadaku maka malaikat akan meminta ampun atasnya selagi dia membaca sedikit ataupun banyak"

4. Nabi Bersabda:

"Seseorang itu dikatakan pelik apabila namaku disebut dan dia tidak membaca selawat atasku."

5. Nabi bersabda:

"Banyak-banyaklah membaca selawat padaku pada hari Jumaat."

6. Nabi bersabda:

"Barang siapa yang membaca selawat satu kali maka akan ditulis baginya sepuluh kali kebaikan dan dihapuskan sepuluh keburukan".

7. Nabi bersabda:

"Barang siapa setelah mendengar azan atau qamat lalu berdoa:

Ya Allah yang menguasai doa yang bermanfaat ini serta sholat yang akan didirikan ini, berikanlah pada Nabi Muhammad derajat yang luhur serta keutamaan dan bangkitkanlah beliau itu dengan menempati tempat yang terpuji yang telah engkau janjikan,

maka halal baginya syafaatku pada hari kiamat."

8. Nabi bersabda:

"Barang siapa yang berselawat kepadaku dalam suatu kitab maka Malaikat selalu memintakan ampun baginya selagi namaku ada dalam kitab itu."

9. Abu Sulaiman Addarani berkata:

"Siapa yang memohon sesuatu kepada Allah maka perbanyaklah membaca selawat dan salam atas Nabi Muhammad, dan teruslah memohon kepada Allah apa yang diperlukan dan hendaklah mengakhiri doanya dengan berselawat dan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w. Maka sesungguhnya Allah adalah zat yang paling mulia untuk menerima doa di antara dua selawat."

10. Diriwayatkan dari Nabi Muhammad s.a.w. dan beliau bersabda:

"Barang siapa yang membaca selawat kepadaku seratus kali pada hari Jumaat, dia akan diampuni dosanya selama 80 tahun."

11. Diriwayatkan Abu Hurairah (ra) bahawa Nabi bersabda:

Nabi bersabda pada orang-orang yang membaca selawat ke atas Nabi:

"Atas mereka itu cahaya di Sirathal Mustaqim, barang siapa yang di atas jambatan itu termasuk ahli Nur, bukan termasuk ahli neraka."

12. Nabi bersabda:

"Barang siapa yang tidak membaca selawat padaku bererti dia menjauhi jalan ke syurga."

13. Diriwayatkan oleh Abdulrahman bin Auf; Rasulullah bersabda:

"Jibrail telah datang padaku dan berkata: Wahai Muhammad telah seorangpun dari umatmu yang berselawat atasmu kecuali 70 ribu malaikat meminta ampun atasnya dan barang siapa dimintakan ampun oleh malaikat dia termasuk ahli syurga."

14. Nabi bersabda:

"Di antara kamu yang paling banyak berselawat untukku adalah yang paling banyak isteri di syurga."

15. Nabi bersabda:

"Barang siapa yang berselawat padaku satu kali selawat kerana mengagungkan kebenaran maka Allah akan menjadikan ucapannya itu seorang malaikat yang bersayap yang memenuhi arah timur dan barat, dan dua kakinya berpijak di bumi lapis tujuh, lehernya melengkung ke bawah Ansy, Allah berfirman kepadanya: Mintakanlah ampun atas hambaKu sebagaimana dia berselawat atas nabiKu, malaikat itu akan memintakan ampun atasnya sampai hari kiamat."

16. Nabi bersabda:

"Sesungguhnya akan datang beberapa kaum yang aku tidak kenal kecuali kerana bacaan selawat atasku pada telagaku di hari qiamat."

17. Nabi bersabda:

"Barang siapa yang berselawat satu kali atasku maka Allah akan memberi rahmat atasnya sepuluh kali, dan barang siapa yang berselawat padaku 10 kali, maka Allah akan memberi rahmat keatasnya 100 kali, dan barang siapa yang berselawat 100 kali Allah akan memberi rahmat ke atasnya 1000 kali maka jasadnya haram masuk neraka, dan Allah akan menetapkan dengan perkataan yang tetap dalam kehidupan dunia dan akhirat ketika dia ditanya di hari akhir, maka Allah akan memasukkannya ke syurga. Selawat-selawatnya padaku akan datang sebagai cahaya baginya pada hari kiamat di atas Sirathal Mustaqim yang memakan waktu

perjalanan 500 tahun dan Allah akan memberikannya kepadanya seluruh bacaan selawat yang di baca berupa istama di syurga, baik bacaan sedikit atau banyak".

18. Nabi bersabda:

"Tidak ada seorang hambaku, yang berselawat padaku kecuali bacaan selawat itu meluncur cepat dari mulutnya maka tidak ada daratan, lautan, timur dan barat kecuali dilewati oleh selawat itu dan selawat itu berkata: Saya adalah selawat Fulan bun Fulan yang membaca selawat atas Nabi Muhammad yang terpilih sebagai makhluk yang terbaik, maka tidak ada sesuatupun yang diam kecuali memintakan ampun padanya. Selawat itu dijadikan burung yang mempunyai 70,000 sayap, setiap sayap ada 70 ribu bulu setiap bulu mempunyai 70 ribu kepala, setiap kepala mempunyai 70 ribu wajah, setiap wajah mempunyai 70 ribu mulut, setiap mulut mempunyai 70 ribu lidah, setiap lidah bertasbih kepada Allah dengan 70 ribu bahasa, dan Allah akan menulis seluruh pahala tasbih itu baginya."

19. Dari Ali bin Abi Talib dia berkata: Rasulullah bersabda:

Barang siapa yang berselawat padaku di hari Jumaat 100 kali maka dia akan datang pada hari kiamat dengan membawa cahaya, seandainya cahaya itu dibagi di antara seluruh makhluk maka akan meratainya."

20. Disebut dalam satu hadith bahawa ada satu tulisan di salah satu tiang 'Arey'

Barang siapa yang rindu padaKu maka saya akan memberi rahmat padanya dan barang siapa yang meminta kepadaKu saya akan memberinya, dan barang siapa yang mendekati padaKu akan berselawat kepada Muhammad maka Aku akan mengampuni dosa-dosanya meskipun dosa-dosanya itu sebanyak buih lautan.

21. Diriwayatkan oleh salah satu sahabat, dia berkata:

Tidak ada satu majlis pun yang berselawat atas Muhammad kecuali ada padanya bau harum sampai mencapai pinggir langit dan malaikat berkata, ini adalah majlis yang di dalamnya di baca selawat atas nabi Muhammad.

22. Disebut dalam satu hadis,

Sesungguhnya hamba yang mukmin atau mukminah bila membaca selawat atas Nabi Muhammad maka akan dibukakan baginya pintu-pintu langit sampai ke 'Arey dan seluruh malaikat akan memintakan ampun atas Muhammad dan memintakan ampun kepada hamba itu dengan kehendak Allah.

23. Nabi bersabda:

"Barang siapa yang mempunyai kesulitan hendaklah memperbanyak berselawat kepadaku maka sesungguhnya salawat itu bisa menghilangkan kesusahan yang telah lewat dan yang akan datang dan bisa memperbanyak rezeki, serta mendatangkan hajat."

24. Dari pula seorang yang soleh, dia berkata: "Saya mempunyai tetangga seorang juru tulis, dia meninggal. Lalu saya melihatnya di dalam mimpi dan berkata kepadanya:

"Apa yang dilakukan Allah padamu", maka dia menjawab: "Allah telah mengampuniku, maka aku tanyakan, apa sebabnya Allah mengampunimu?, maka dia menjawab: "Saya apabila menulis nama Muhammad disuatu buku maka saya akan membaca selawat atasnya, maka Tuhan memberikan padaku sesuatu yang tidak bisa dilihat mata, dan tidak bisa didengar oleh telinga dan tidak bisa dirasakan oleh hati manusia."

25. Nabi bersabda:

"Belum sempurna iman kamu sekalian sampai orang itu menganggap bahawa aku lebih dicintai daripada dirinya, hartanya, anaknya, kedua orang tuanya, dan manusia seluruhnya." Dalam hadis lain Umar berkata:

"Engkau adalah orang yang aku cintai ya Rasulullah dari segala sesuatu kecuali diriku yang di antara dua lambung", maka Nabi menjawab: "Belum sempurna imanku kecuali bila engkau cintai daripada dirimu sendiri." Maka Umar berkata: "Demi zat yang menurunkan al-Quran kepadamu sungguh engkau orang yang paling aku cintai dibandingkan diriku sendiri." Nabi bersabda: "Hai Umar sekarang imanmu telah sempurna."

26. Ditanya Rasulullah: "Bila saya dianggap sebagai orang yang beriman?"

Nabi menjawab:

"Bila engkau mencintai Allah," lalu dikatakan: "Kapan aku mencintai Allah?" Nabi menjawab: "Bila kamu mengikuti jalannya dan menjalankan sunnahnya, menyenangi yang disenanginya, membenci yang dibencinya, mengasihi yang dikasihinya dan memusuhi yang dimusuhinya. Dan iman seseorang terpaut dengan terpautnya kecintaannya kepadaku, dan terpaut kekafirannya dan terpaut kebenciannya kepadaku, ingatlah belum sempurna iman seseorang yang tidak cinta kepadaKu diucapkan (3 kali)."

27. Ditanyakan kepada Rasulullah:

"Saya melihat orang yang beriman yang khusyuk dan orang yang tidak khusyuk, apa sebabnya ya Rasulullah?" Maka Nabi menjawab: "Barang siapa yang dalam imannya itu terdapat kemanisan maka dia akan khusyuk apabila tidak terdapat kemanisan itu maka dia tidak khusyuk". Lalu ditanyakan: "Bagaimana cara mencintai Allah itu?" Nabi menjawab: "Dengan mencintai Rasulnya, maka mencarilah kamu sekalian redha Allah dan redha RasulNya dengan mencintai keduanya".

28. Ditanyakan kepada Rasulullah, "siapa keluarga Muhammad yang kita perintah agar mencintai dan memuliakan mereka?" Nabi menjawab:

"Iaitu orang-orang yang bening hatinya dan orang-orang yang menepati janji, mereka itu orang-orang yang beriman kepadaku secara ikhlas". Ditanyakan lagi: "Dan apa tanda-tanda mereka itu ya Rasul?" Nabi menjawab: "Iaitu orang-orang yang memilih mencintaiku melebihi mencintai yang setiap dicintainya dan memenuhi batinnya dengan menyebut namaku sesudah menyebut nama Allah". Ditanyakan kepada Rasulullah: "Siapa orang yang paling kuat imannya?" Nabi menjawab: "Iaitu seseorang yang percaya kepadaku dan rindu padaku dan bersungguh-sungguh mencintaiku, tanda-tandanya adalah dia senang bersamaku dengan mengorbankan seluruh yang dia miliki dan sungguh-sungguh ikhlas mencintaiku."

29. Ditanyakan kepada Rasulullah:

"Bagaimana pendapat anda ya Rasulullah tentang selawat yang dibaca atasmu oleh orang-orang yang jauh darimu dan yang datang sesudahmu?" Nabi menjawab: "Saya akan mendengar bacaan selawat orang-orang yang mencintaiku dan akan mengetahuinya serta menjemputnya, dengan ucapan "Labbaika", aku datang kepadamu".

Melihat kandungan kitab *Dala'il al-Khairat* yang berisi pengamalan selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w, tidaklah menghairankan jika kitab itu menjadi inspirasi bagi Yang Dipertuan Muda Raja Haji. Bangsawan ini melanjutkan tradisi yang berlaku di istana Melayu seperti di kerajaan-kerajaan Samudra Pasai, Melaka, Aceh, yakni raja yang dikelilingi oleh para ulama yang menyampaikan ajaran-ajaran tertentu.

Sejarah Melayu menceritakan betapa besar faedah yang diperoleh sebelum mara ke medan peperangan dengan membaca *Hikayat Perang*, yakni *Hikayat Muhammad Hanafiah* dan *Hikayat Amir Hamzah*.⁷ Tradisi membaca hikayat perang sebelum ke medan pertempuran berlaku pula di Aceh pada akhir XIX dan abad XX dalam peperangan menentang kolonialisme Belanda.

Dewasa ini kitab *Dala'il al-Khairat* ini masih diajar di Indonesia, misalnya di Propinsi Jawa Timur, yakni di Pondok Pesantren Bahrul 'Ulum Tambak Besar di Jombang, Pondok Pesantren Tebuireng di Jombang dan di lain-lain Pesantren kecil yang tersebar di merata tempat di Jawa Timur. Juga di Propinsi Aceh kitab ini sering dibaca terutama pada malam Jumaat. Di Jawa Timur cara-cara membacanya diajarkan oleh seorang guru yang mengijazahkan kepada muridnya. Murid atau santri yang memperoleh pelajaran dari kitab ini adalah mereka yang sudah agak tinggi ilmu agamanya, kuat dalam fiqh dan matang dalam tauhid.

Jikalau di atas kita mengetengahkan sebuah kitab yang menjadi pegangan seorang bangsawan di Kerajaan Melayu Riau, maka pada abad yang sama lahirlah sebuah kitab hasil pena seorang ulama yang berasal dari Palembang. Kitab ini berjudul *Nasihah al-muslimin wa tadhkirat al-mu'minin fi fada'il al-jihad fi sabil Allah wa-karamat al-mujahidin fi sabil Allah* yang ditulis oleh Syaikh 'Abd al-samad al-Palimbani yang berisi nasihat untuk melancarkan perang sabil atau Perang di Jalan Allah. Syaikh 'Abd al-Samad menghasilkan tulisannya ketika bermukim di Mekah dan Ta'if, di antara tahun-tahun 1178 H-1203 H, atau 1764-1788 M.⁸

Syaikh 'Abd al-Samad mengirim tiga pucuk surat dari Makkah kepada Sultan Mataram, Pengeran Adipati Mangkunegoro, dan Susuhunan Surakarta pada tahun 1772 agar ketiga-tiga raja ini mempertahankan agama Islam dari orang Kafir.⁹ Kepada Pangeran Mangkunegoro, Syaikh 'Abd al-Samad juga menyampaikan antara lain bahwa siapa yang gugur dalam perang sabil, tidaklah mati, tetapi rohnya langsung masuk ke dalam syurga.¹⁰

Jikalau ke kraton-kraton pulau Jawa Syaikh 'Abd al-Samad mengirimkan surat agar agama Islam dipertahankan daripada gangguan orang kafir, besar kemungkinan ajaran perang sabil seperti yang ditulisnya dalam kitab *Nasihah al-Muslimin* yang disentuh telah juga sampai juga ke tanah kelahirannya, Palembang. Bila kita semak *Syair Perang Menteng* yang digubah tidak lama setelah meletusnya perang antara Kerajaan Palembang di bawah Sultan Mahmud Badaruddin melawan Belanda di bawah pimpinan Muttinghe yang terjadi pada tahun 1819 di Palembang¹¹, maka di dalam *Syair Perang Menteng* itu kita temui sentuhan-sentuhan idea perang sabil seperti yang dimaksudkan oleh Syaikh Abd al-Samad.

Ikutilah beberapa bait *Syair Perang Menteng* yang dikutip berikut ini:

Haji berteriak Allahu Akbar
datang mengamuk tak lagi sabar
dengan tolong Tuhan Malik al-Jabbar
serdadu menteng habislah bubar

Keluar sekalian hulubalang panglima
menolong haji bersama-sama
opsirnya mati empat dan lima
hajipun sampai di kota lama

Haji mengusir kanan dan kiri
memarangkan pedang ke sana kemari
serdadu holanda habislah lari
hanya komandan juga berdiri

Haji berteriak sambil memandang
hai kafir marilah tandang
syurga bernaung di mata pedang
bidadari hadir dengan selendang

disitulah haji lama berdiri
dikerubungi sedadu holanda pencuri
kuatnya tidak lagi terperi
fanalah haji lupakan diri

Datanglah komandan bersungguh hati
membedil haji tiada berhenti
pelurunya datang menuju pasti
di sanalah tempat haji nan mati

Syahidlah haji dua dan tiga
akan mengisi di dalam syurga
bidadaripun banyak tiada terhingga
datang menyambut haji berida

Darahnya mengalir bagai kasturi
bidadaripun banyak datang menghampiri
suka dan ramai tepuk dan tari
merebut mayat haji jauhari.

Pada 26 Mac 1873 Pemerintah Hindia Belanda melancarkan perang terhadap Kerajaan Aceh Darussalam dengan didahului dengan sebuah ultimatum. Perang yang mengambil masa 40 tahun lamanya (1873-1913) merupakan perang kolonial yang terlama dan termahal dalam sejarah Indonesia sebelum pertengahan abad XX. Sebelum meletusnya perang pada tahun 1873 seperti yang dinyatakan telah terjadi konflik antara pemerintah Hindia Belanda dengan Kerajaan Aceh. Pada 1829 Belanda menyerang Barus yang dikuasai oleh Kerajaan Aceh. Serangan pihak Belanda ini dapat dipatahkan oleh pasukan Tentera Aceh. Benteng Belanda di Pulau Poncang di Teluk Tapanuli diserang oleh pasukan Aceh dan bangunan-bangunan di tempat itu dibakar.¹²

Pada tahun 1834 dan 1835 beberapa buah perahu Aceh yang berada di sekitar Pulau Poncang ditahan oleh Belanda, meskipun perahu-perahu itu memiliki pas atau surat keterangan belayar daripada Sultan Aceh. Sebahagian awak-awak perahu tersebut ditangkap dan sebahagian lagi dibunuh oleh pihak Belanda.¹³

Setahun kemudian, pada tahun 1836, sebuah kapal Belanda yang bernama *Dolphin* diserahkan kepada Sultan Aceh apabila awak-awak kapal itu memberontak dengan membunuh nakhoda kapal. Belanda meminta supaya kembalikan kapal *Dolphin* itu, tetapi ditolak oleh Sultan Aceh, kerana tidak adanya surat kuasa dari Gabenor General Hindia Belanda. Akan tetapi ketika surat yang dimaksudkan dibawa oleh sebuah komisi Belanda kepada Sultan Aceh, kapal *Dolphin* sudah dibakar.¹⁴

Pada tahun 1840 Belanda telah mengirimkan bala tenteranya di bawah pimpinan Kolonel A.V. Miechiela untuk menyerang pasukan tentera Aceh di Barus dan Singkel, Aceh Selatan. Dalam pertempuran ini pasukan Aceh dapat dikalahkan.¹⁵

Dalam situasi konflik menghadapi Belanda seperti yang dikemukakan di atas itulah *Kitab Nasihat al-Muslimin* karya Syaikh 'Abd al-Samad al-Palimbari itu mendapat tempat di ujung utara Pulau Sumatera, di Kerajaan Aceh Darussalam yang kadangkala disebut Serambi Mekkah. Di dalam *Hikayat Perang Sabil* yang ditulis dengan huruf Jawi dalam bahasa Aceh tahun 1834 M, disebutkan bahawa hikayat itu digubah berdasarkan karangan Syaikh Abd al-Samad berjudul *Kitab Nasihat al-Muslimin*,¹⁶ sedangkan nama penggubahnya tidak tertera dalam naskah ini. *Hikayat Perang Sabil* yang dikarang di Aceh itu berisi anjuran perang sabil secara umum yang di dalamnya diuraikan faedah-faedah bagi mereka yang syahid di dalam perang melawan orang kafir. Ada tujuh faedah yang akan diterima oleh orang yang berperang di jalan Allah: (1) diampunkan semua dosanya oleh Allah Ta'ala, (2) mendapat tempat dalam syurga dengan pelbagai kenikmatan, (3) kuburnya menjadi luas dan ia akan sentosa di dalamnya, (4) luput daripada bahaya kiamat, (5) didalam syurga mendapat pakalan yang indah disertai permata-permata, (6) memperoleh isteri bidadari satu mahligai berjumlah 72 orang, dan (7) diampunkan oleh Tuhan dosa 70 kerabat dari orang yang mati syahid itu.¹⁷

Dikemukakan oleh Snouck Hurgronje bahawa *Kitab Nasihat al-Muslimin* menjadi model bagi seorang ulama Aceh, Nyak Ahmad alias Uri bin Mahmud Jalaluddin bin Abdussalam dari Kampung Cot Pakue, Sigil, dalam menyusun *Hikayat Perang Sabil* pada tahun 1894 M.¹⁸

Dalam *Hikayat Perang Sabil* yang digubah oleh Nyak Ahmad itu disebut bahawa bagi mereka yang mengeluarakan belanja untuk kepentingan perang di jalan Allah, Tuhan akan membalasnya dengan imbalan berlipat ganda dan mereka akan dimasukkan pula ke dalam syurga.¹⁹

Beberapa bait terjemahan dari *Hikayat Perang Sabil* karya Nyak Ahmad yang ditulis dalam bahasa Aceh berbunyi²⁰:

Orang yang berada memberi sumbangan
 Memang berganda pahala datang
 Biarpun kita memberi satu sahaja
 Berganda Tuhan mengembalikannya

Satu dirham sekarang kita berikan
 Tujuh ratus ketika dikembalikan
 Pembalasan satu adalah tujuh ratus
 Tuhan sebut dalam Quran.

Bait-bait *Hikayat Perang Sabil* ini sesuai dengan apa yang tercantum dalam Kitab Suci al-Quran Surat al-Baqarah ayat 261 yang disalin sebagai berikut ini:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ
 أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلَةٍ تَأْتِيهَا حَبَّةٌ
 وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

ertinya: "Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah, ibarat sebuah biji tumbuh menjadi tujuh tangkal. Pada setiap tangkal itu terdapat seratus biji. Dan Allah akan melipatgandakan balasan bagi siapa yang dikehendakinya. Dan Allah Maha luas KurniaNya dan maha Mengetahui.

Pengaruh Kitab *Nasihat al-Muslimin* masuk ke *dayah-dayah* atau pondok-pondok pesantren di merata tempat di Aceh dan menjadi faktor pendorong dan penggerak semangat untuk melakukan jihad fisabilitah melawan Belanda di abad XX. Di samping itu kitab-kitab karangan Syaikh 'Abd al-Samad al-Palimani seperti *Siyar-us-Salikin* yang ditulisnya berdasarkan inspirasi dari kitab *Ihya' Ulumid-Din* al-Ghazali (rh) dan *Hidayatu's-Salikin* yang juga diilhami oleh kitab *Bidayatu'l-Hidayah* karangan al-Ghazali (rh), dipergunakan pula sebagai buku teks tasawwuf di pondok-pondok pesantren, di wilayah-wilayah sekitar Selat Melaka.²¹

Demikianlah, "kisah" dua kitab-Dala'ili al-Khairat dan *Nasihat al-Muslimin* yakni kisah dua aspek ajaran Islam selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan panggilan jihad sabilillah di dunia Melayu abad 18 dan 19 dapat memberikan kepada kita beberapa hal penting.

Pertama, keduanya dengan jelas memperlihatkan terbukanya dengan baik "intellectual networks" di dunia Melayu. "Jaringan kecerdikan" Islam ini diikuti oleh golongan raja-raja, para penguasa, dan para ulama.

Dala'il al-Khairat memperlihatkan dengan jelas keterlibatan Yang Dipertua Muda Raja Haji dalam "mode" atau "style" yang berkembang di dayah, surau, pondok pesantren atau di kalangan madrasah tradisional, untuk meminjam istilah Muhammad Uthman el-Muhammadi. Tidaklah menghairankan kalau *Tuhfat al-Nafis* mengemukakan bahwa ketika Yang Dipertua Muda Jaafar putera Yang Dipertua Muda Marhum Raja Haji *fi sabil Allah* mengendalikan pemerintahan di Kerajaan Riau perdagangan maju dan kehidupan agama pun cukup berkembang. Kapal-kapal telau banyak datang ke Riau seperti perahu-perahu dagang *wangkang* dari China dan *tob-tob* dari Slam dan perahu-perahu Jawa. Raja Jaafar mengasihi sanak saudara dan sahabat handainya terutama para sayyid saudara dan sahabat handainya terutama para sayyid yang dari Arab dan sayyid peranakan serta hormat kepada yang tua-tua, pergi ziarah ke rumah mereka, dan kadang-kadang minta bermusyawarah dengan mereka. Ia tidak membesarkan dirinya hingga kadang-kadang ia memakan nasi sisa hambanya. Ia sangat suka akan ulama serta kuat menuntut ilmu seperti menekuni kitab berbahasa Melayu *Usul al-Din* dan kitab *Mir'at al-Tullab* melalui gurunya seorang ulama besar pada masa itu bernama Haji Abdul Wahab. Ia suka kepada orang-orang yang baik bacaannya dalam mengaji al-Quran dan jika datang seorang qari dimintanya tinggal dua atau tiga bulan, mengaji ia dan disuruhnya pula anak-anak dan pegawai-pegawainya belajar mengaji pada qari itu, dan apabila khatam diberinya sedekah beratus-ratus ringgit.²²

Adapun Sultan Abdul Rahman yang bersemayam di Lingga kuat berbuat ibadat. Malam Jumaat baginda tidak tidur, asyik beribadat, dan di siang harinya baginda bersembahyang Jumaat dengan memakai cara Arab. Selesai sembahyang Jumaat baginda berziarah ke makan ayahandanya Marhum Sultan Mahmud, dan bersama pegawai-pegawainya membaca Quran dan tahlil. Sultan Abdul Rahman menyukai para sayyid dan syaikh-syaikh, suka bercampur makan minum dengan mereka, suka berimamkan orang yang alim, dan suka ia bang atau azan dengan dirinya sendiri.²³

Kitab *Nasihah al-Muslimin* berpengaruh di saat kerajaan telah mengalami krisis baik di Palembang, apalagi di Aceh. Maka kitab ini lebih banyak mendatangkan inspirasi bagi para ulama yang sedang "menggantikan" kedudukan para raja sebagai pemimpin perlawanan menghadapi gerak maju kolonialisme Barat.

Bagaimanapun juga, secara keseluruhan "kisah" kedua kitab ini serta syair yang diinspirasiannya memperlihatkan kepada kita akan keterikatan raja dan ulama dalam suatu tradisi struktural yang dilandasi oleh Islam. Dalam tradisi ini, raja dan ulama hanyalah dua kedudukan yang berbeda yang dikikat oleh keterikatan pada keharusan struktural akan perlunya keutuhan antara keduanya. Hanyalah ketika kelembagaan mengalami

krisis atau tidak lagi bisa berfungsi dengan baik, ulama tampil ke depan. Dalam struktural tradisi seperti ini raja adalah penguasa, dan ulama adalah penasihat. Hal inilah yang diusahakan oleh Syaikh 'Abd al-Samad al-Palimbari pada abad 18 dengan mengirim surat kepada raja-raja dan langkah seperti itu diambil pula oleh Tenku Chik di Tiro Syaikh Saman di Aceh pada abad 19.

Kedua, kedua ajaran yang dikemukakan di atas adalah sebahagian dari struktur keyakinan Dunia Melayu, dan struktur keyakinan ini telah menjadi landasan ideologis dari suatu struktur tindakan. Kecintaan akan Nabi yang diperkuat dengan selawat, serta panggilan sabilillah dengan janji syurga sekaligus telah berperan pula sebagai rasionalisasi dari tindakan yang harus dilakukan ketika serangan datang dari luar. Demikianlah, pengamatan terhadap teks-teks agama ternyata tidak saja memperluaskan pengetahuan kita tentang sejarah pemikiran keagamaan, tetapi juga memperdalam pemahaman kita mengenai struktur dan dinamika Dunia Melayu.

NOTA

1. Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1982, hlm. 209.
2. Tentang konflik Belanda dengan Riau lihat Elisa Netscher, *De Nederlanders in Djohor en Siak*. Batavia: Bruining & Wijt, 1870, Khusus mengenai gugurnya Raja Haji lihat *ibid.*, hlm. 210.
3. Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji, *Iloc. cit.*
4. *Al-Mur'id fil Adabi wal Ulum*, Al-Ab Louis Ma'uf al-Jasu'i, Beirut: Al Matba'ah Al-Katulikujyah, 1956, hlm. 136.
5. *Ibid.*, hlm. 21.
6. Annemarie Schimmel, *Dimensi Mistik dalam Islam*. Terjemahan dari *Mystical Dimension of Islam* oleh Sapardi Joko Damono et al. Jakarta: Pustaka Firdaus, 1986, hlm. 136.
7. *Sejarah Melayu* menurut terbitan Abdullah ibn Abdul Kadir Munsji, edisi T.D. Situmorang dan A. Teeuw, Jakarta: Djambatan, 1952, hlm. 297-8.
8. Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "The Islamic Concept of Education according to Shaykh 'Abdu's-Samad of Palembang and its Significance in Relation to the Issue of Personality Integration", dalam *Akademika* no. 1 July 1972, hlm.60. Lihat juga G.W.J. Drewes, *Direction for Travellers on the Mystic Path*. The Hague: Martinus Nijhoff, 1977, hlm. 222-3.
9. M.C.Ricklefs, *Jogjakarta under Sultan Mangkubumi 1749-1792*, London: Oxford University Press, 1974, hlm. 150-1.
10. *Ibid.*, hlm. 151-2.
11. M.O.Woelders, *Het Sultanaat Palembang 1811-1825*, 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff, 1975, hlm. 57-8. Teks *Syair Perang Menteng* terdapat dalam *ibid.*, hlm. 194-222.
12. E.B. Kieistra, *Beschrijving van Atjeh Oorlog: met Gebruikmaking der Officieele Bronnen, door het Department van Kolonien daartoe Afgestaan*, Jild 1, hlm. 19.
13. G.B. Hooyer, *De Krijgsgeschiedenis van Nederlandsch-Indie van 1811 tot 1894*, Jild III, 1987, hlm. 25.
14. Kieistra, *op.cit.*, hlm. 21. Hooyer, *op.cit.*, hlm. 25-8.
15. Officieele Bescheiden betreffende het Onststaan van den Oorlog tegen Atjeh, 1881, hlm. 13.
16. *Hikayat Perang Sabit*, Perpustakaan Universitas Leiden, Cod. Or. 8667, hlm. 42.
17. *Ibid.*, hlm. 37-8.
18. C.Snouck Hurgranje, *The Achehnese*, trans. By A.W.S. O'Sullivan, vol. II. Leiden: E.J. Brill, 1906, hlm. 119. Lihat *Hikayat Perang Sabit*, Perpustakaan Univ. Leiden, Cod. Or. 8035.
19. *Hikayat Perang Sabit*, Cod. Or. 8667, hlm. 5, 19.
20. *Hikayat Perang Sabit*, Cod. Or. 8035, hlm. 21.
21. El-Muhammady, *op. cit.*, hlm. 62-3.
22. Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji, *op. cit.*, hlm. 260, 267.
23. *Ibid.*, hlm. 266-7.